NO. SOALAN : 325

PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN NO. 325

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada Majlis Perbandaran Manjung, Perak untuk menjayakan cadangan pembangunan Taman-taman Riadah Kejiranan di kawasan-kawasan berikut:-

(a) Taman Disneyland, Kampung Jering, dan Kampung Baru Changkat Jering, Kampung Baru Merbau, Kampung Baru Raja Hitam, dan Taman Matahari yang terletak di Ayer Tawar; dan

(b) Simpang Lima, Pekan Gurney dan Simpang Dua yang terletak di Sitiawan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Beruas, bagi projek-projek kecil termasuk naik taraf taman-taman riadah di kawasan kejiranan, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) boleh menyalurkan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan berdasarkan kepada permohonan yang diterima dan peruntukan yang akan disalurkan adalah tidak melebihi RM500,000 bergantung kepada kesesuaian dan kesediaan tapak.

Pada masa ini, Kementerian tidak menerima sebarang permohonan daripada Majlis Perbandaran Manjung, Perak bagi tujuan pembangunan taman-taman riadah kejiranan seperti yang dinyatakan. Walau

bagaimanapun, ia boleh dipertimbangkan bagi permohonan yang akan datang bergantung kepada kelulusan oleh Agensi Pusat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sekiranya lokasi yang dicadangkan adalah 3 ekar dan ke atas, maka ianya akan diuruskan oleh JLN dengan peruntukan dari JLN. Sekiranya kurang dari 3 ekar, maka ianya adalah di bawah tanggungjawab dan peruntukan PBT itu sendiri.